

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pembinaan Empangan Air Gudang 4, Tawau yang sangat diperlukan oleh seluruh warga Tawau dan Kalabakan yang sering menghadapi krisis bekalan air dan dalam masa yang sama menjadi tebatan banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, projek yang dimaksudkan oleh YB Kalabakan adalah Skim Bekalan Air Tawau Fasa III: Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air. Projek ini diurus dan dikendalikan oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) selaku Pegawai Penguasa dan telah dimulakan pada 26 Januari 2020. Projek ini dilaksanakan dengan nilai kontrak berjumlah RM451 juta dan dijadualkan siap pada 26 Januari 2024. Namun sehingga 30 September 2021 peratus kemajuan hanyalah sebanyak 5% sahaja berbanding yang dijadualkan sebanyak 26%. Ini bermakna ianya telah mengalami kelewatan sebanyak -21%.

2. Kelewatan ini adalah berpunca dari pelbagai isu seperti isu pertukaran kerajaan, isu pengambilan balik tanah, isu kelulusan EIA untuk kuari, isu kelulusan lesen peletupan di kuari dan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan PKP seperti pemberhentian kerja, kekurangan pekerja dan bahan binaan.

3. Walau bagaimanapun, hampir kesemua isu tersebut telah selesai dan pihak kontraktor dijangka dapat meneruskan semula kerja-kerja mereka selepas ini. Projek ini dijangka siap pada Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.